

08 MAR 1997

Affifuddin-ekonomi

EKONOMI MALAYSIA PADA TAHAP TERBAIK MENGIKUT PETUNJUK EKONOMI

KOTA BAHARU, 8 Mac (Bernama) -- Malaysia kini berada pada tahap ekonomi terbaik apabila mampu mengurangkan defisit akaun semasa di bawah paras lima peratus Keluaran Negara kasar (KNK), kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar hari ini.

Katanya berdasarkan keadaan itu yang menunjukkan kestabilan ekonomi negara, ia dijangka akan menarik lebih banyak pelabur asing ke negara ini.

"Setahun lalu kita dengar petunjuk makro ekonomi lain bagus tetapi defisit akaun semasa bertambah besar hingga mendatangkan kesangsian kepada pelabur di luar negara...tetapi kini parasnya cukup baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Kelantan, di sini.

Menurutnya unjuran sebelum ini mengenai akaun semasa negara sebenarnya tidak begitu tepat berbanding usaha gigih yang dibuat oleh kerajaan untuk merencanakan ekonomi Malaysia.

Beliau berkata peningkatan ekonomi negara juga turut dibuktikan dengan pengukuhan ringgit di pasaran antarabangsa.

"Semalam ringgit bertambah kukuh dan kita sedang perhatikan supaya ia tidak akan naik atau turun secara mendadak," tambahnya.

Dr Affifuddin berkata kerajaan sentiasa berusaha menstabilkan matawang Malaysia itu bagi memastikan perdagangan luar negara Malaysia tidak terjejas.

"Dengan pengukuhan ringgit, kita mungkin dapat menahan ringgit daripada bocor ke luar negara. Sekarang dengan nilai ringgit kukuh dengan sendirinya barangan import murah tetapi sebaliknya barangan eksport akan naik sebab wang kita naik," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berupaya untuk mengimbangi keadaan itu dan sebaliknya menjadikan kedudukan sekarang sebagai satu kelebihan untuk menjadikan ekonomi semakin menarik dan membawa hasil lumayan bagi negara dan rakyat.

Mengenai pelantikan Datuk Mohd Salleh Sulong sebagai Pengerusi dan Presiden Hicom Holdings Bhd bagi mengisi tempat Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad yang terbunuh pada malam Isnin lepas, Dr Affifuddin menaruh keyakinan pengurusan syarikat itu akan berjalan dengan baik.

Menurutnya Mohd Salleh, yang turut dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom telah bersama dengan Allahyarham Yahaya sejak dahulu lagi dan keadaan itu memastikan ada kesinambungan terhadap semua wawasan dan strategi Yahaya, seperti yang dinyatakan oleh Dr Mahathir. -- BERNAMA

RAR OBA